



اوتوريټي كبحسآن كسلامتن
كصيجتن دان عالم سكيتر
Safety, Health and Environment
National Authority

**OPENING REMARKS BY
DATIN ZUBAIDAH BINTI HJ MAHMUD
INTERIM CHIEF EXECUTIVE OFFICER
SAFETY, HEALTH AND ENVIRONMENT NATIONAL AUTHORITY (SHENA)**

**BRUNEI-MUARA DISTRICT ROADSHOW
SAFETY MONTH 2023 IN CONJUNCTION WITH WORLD DAY
FOR SAFETY AND HEALTH AT WORK
30 MAY 2023
MAIN CONFERENCE HALL, ICC**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Yang Mulia, **Awang Salminan bin Haji Burut**, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

Yang Mulia,

1. **Awang Misle bin Haji Abdul Karim**, Pegawai Daerah Brunei-Muara;
2. **Awang Muhammad Saufi bin Awang Haji Ibrahim**, Pesuruhjaya Buruh;
3. **Awang Haji Mohammad Ideni bin Haji Ahmad**, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan;

Yang Mulia ketua-ketua dan wakil-wakil dari pihak Agensi Kerajaan dan Industri;

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,



اوتوريتي كبحسان كسلامتن
كصيتن دان عالم سكيتر
Safety, Health and Environment
National Authority

Dipagi yang indah ini, saya bagi pihak Pengurusan Kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan SHENA, mengalu-alukan kehadiran abiskita semua ke 'Majlis Pembukaan Jerayawaya Bulan Keselamatan SHENA' di Daerah Brunei-Muara sempena Hari Sedunia untuk Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2023'.

Negara Brunei Darussalam sebagai ahli negara *International Labor Organisation (ILO)* tidak terkecuali dari negara-negara yang menyambut Hari Sedunia Untuk Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja yang diraikan pada setiap tahun pada 28 April.

Pada tahun ini, tajuk tema yang didokong ialah "Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat adalah Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja".

Tema ini mengorakan langkah-langkah menuju pencapaian penting dalam keselamatan dan kesihatan di tempat kerja kerana semua ahli *International Labour Organization (ILO)* telah bersetuju bahawa "Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat" adalah hak muktamad bagi setiap pekerja tidak kira keadaan, sektor pekerjaan atau pangkat seseorang dalam sebuah organisasi.

Para hadirin dan hadirat sekalian,

Visi Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) ialah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai tempat yang selamat untuk bekerja dan didiami.

Dalam menerajui visi ini, SHENA memainkan peranan besar dalam mengekal teguh, rangka kerja, mengawal selia amalan-amalan HSE diperingkat negara dan memastikan



اوتوريٽي ك بھسا ن ك سلامت ن
ك صيٽ ن دان عالم سكيٽر
Safety, Health and Environment
National Authority

pihak-pihak berkewajiban mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa dibawah pelaksanaan SHENA. Usaha-usaha ini bertujuan untuk memastikan budaya yang diamalkan ditempat kerja mampu mengurangkan risiko kepada orang ramai, asset dan persekitaran ketahap serendah mungkin dengan munasabah.

Adalah wajar bagi SHENA, pihak industri, wakil Kerajaan dan pihak berkepentingan memanfaatkan Hari Keselamatan dan Kesihatan Sedunia di Tempat Kerja untuk meneruskan komitmen kolektif kita semua dalam memantau kesejahteraan pekerja.

Selaras dengan tema tahun ini dan komitmen SHENA, beberapa aktiviti telah dirancang sepanjang bulan Mei dan Jun untuk meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya peranan-peranan masing-masing dalam memastikan usaha-usaha yang menjurus kepada penyediaan tempat kerja yang selamat dan sihat dan penjagaan kesejahteraan pekerja adalah wajib bagi setiap majikan agar kemalangan yang serius dan kematian mampu dielakkan.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

Di antara aktiviti -aktiviti utama bulan keselamatan SHENA pada tahun ini ialah jerayawara-jerayawara yang telah dijadualkan untuk diadakan di empat-empat buah daerah.

Pada hari ini, para tetamu dan hadirin-hadirat sekalian akan dapat menyaksikan pameran-pameran daripada rakan-rakan kongsi SHENA termasuk pihak-pihak yang berkepentingan.



اوتوريٽي كبحساان كسلامتن
كصينتن دان عالم سكينتر
Safety, Health and Environment
National Authority

Selain itu, perbincangan panel dengan wakil industri, pembentangan oleh pegawai SHENA dan aktiviti-aktiviti untuk pelajar dan penuntut sekolah juga diadakan selepas upacara ini.

Orang ramai, termasuk pengawal selia dan pekerja akan berpeluang untuk bertukar pandangan mengenai amalan terbaik dalam menangani jurang-jurang yang ujud dalam amalan-amalan HSE di tempat kerja masing-masing.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Mulia,

1. **Awang Salminan bin Haji Burut**, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Tetamu Kehormat Majlis;
2. **Awang Misle bin Haji Abdul Karim**, Pegawai Daerah Brunei-Muara;
3. **Awang Muhammad Saufi bin Awang Haji Ibrahim**, Pesuruhjaya Buruh;
4. **Awang Haji Mohammad Ideni bin Haji Ahmad**, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, selaku tetamu-tetamu ikhas SHENA atas kesudian mereka sama-sama hadir pada pagi ini.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada Jabatan Daerah Brunei-Muara dan Jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan yang telah memberikan sokongan padu bagi menjayakan jerayawara ini.

Saya berdoa agar SHENA akan terus mendapat sokongan padu daripada semua pihak ke arah membina tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua.



اوتوريٲتي كبغساءن كسلامتن
كصيٲتن دان عالم سكيٲتر
Safety, Health and Environment
National Authority

Wabillaahi taufiq wal hidayah, Wassalaamu'alaikum warahmaatullaahi wabarakaatuh.